

KAJIAN AN ABRIDGED MALAY- ENGLISH DICTIONARY SUSUNAN R.J. WILKINSON DARI SUDUT ETIMOLOGI

S. Nathesan

Abstrak

Kajian tentang etimologi bahasa Melayu amat terhad berbanding dengan kajian-kajian lain. Barangkali, kekurangan dokumen dan bahan lama mematahkan semangat pengkaji yang berminat untuk mengendalikan projek etimologi. Salah satu sumber yang cukup baik untuk kajian etimologi ialah kamus-kamus lama. Justeru, kajian ini merupakan satu percubaan untuk mengkaji sebuah dokumen lama, *An Abridged English-Malay Dictionary*, iaitu sebuah kamus dwibahasa yang diusahakan oleh R.J. Wilkinson seratus tahun dahulu. Antara maklumat yang diteliti ialah asal usul bagi kebanyakan kata pinjaman dalam bahasa Melayu, perubahan bentuk perkataan ketika dibandingkan dengan bentuk terkini, serta perubahan makna yang dialami oleh perkataan ini dalam peredaran masa. Diharapkan maklumat yang diperoleh daripada dokumen lama ini akan memberi sedikit sebanyak pengertian dalam etimologi Pengajian Melayu.

Abstract

Etymological studies in Malay Language are rather scarce compared to other studies. Aspiring researchers shy away from research work on etymological projects probably due to lack of old documents and materials. Perhaps, one of excellent sources for etymological studies is old dictionaries compiled centuries ago. As such, this etymological study is an attempt to study an old document, "An Abridged English-Malay Dictionary," a bilingual dictionary compiled by R.J. Wilkinson a hundred years ago. This study looks at the etymological information provided in this old dictionary. Among the information scrutinized are the origins of most borrowed words in Malay, changes in the form of the words compared with the latest standard form, and also the

change of meanings of these words over the years. It is hoped that the information retrieved from this old document could provide some etymological insights towards Malay Studies.

PENDAHULUAN

Umumnya, kajian yang bersifat etimologi atau sejarah bahasa kurang dikerjakan oleh sarjana atau pengkaji bahasa Melayu di negara kita. Nik Safiah Karim (1990) berpendapat kajian sejarah dan perkembangan bahasa Melayu masih kecil jumlahnya dan belum lengkap sifatnya. James T. Collins (2003) pula berpendapat, belum ada pembahasan yang menyeluruh dan terperinci tentang etimologi Melayu, dan kajian yang ada pun merupakan kajian perintis dan ringkas sahaja. Barangkali kesulitan dalam mengusahakan kajian etimologi kerana wujud beberapa kekangan yang dihadapi oleh pengkaji. Antara kekangan yang utama termasuklah hal memperoleh dokumen yang dapat dijadikan bahan kajian etimologi.

Dalam pada itu, terdapat subbidang ilmu linguistik yang saling berkaitan dengan perbendaharaan kata atau kosa kata, antaranya termasuklah etimologi, leksikografi, leksikologi, dan semantik. Etimologi merupakan bidang ilmu yang amat penting dalam bahasa, khususnya dalam bidang leksikografi dan leksikologi. Perkembangan leksikografi pula amat berkait rapat dengan penerbitan kamus dalam sesuatu bahasa. Demikian juga perkembangan kosa kata Melayu amat bergantung pada kamus-kamus Melayu yang diterbitkan dalam bahasa Melayu.

Dalam hal ini, sumbangan orang Barat, khususnya orang Inggeris terhadap bidang leksikografi tidak boleh dikesampingkan. Sumbangan mereka cukup bermakna dan signifikan dalam perkembangan perkamusan bahasa Melayu. Orang Inggeris pernah mengusahakan berbagai-bagai jenis kamus pada abad ke-19 dan 20. Salah satu kamus dwibahasa terawal yang diterbitkan pada permulaan abad ke-20 ialah *An Abridged Malay-English Dictionary (AMED)*, susunan Sir R.J. Wilkinson pada tahun 1908. Daftar kata dalam kamus ini menjadi salah satu bahan penyelidikan penting untuk kajian sejarah bahasa, seperti yang dijelaskan oleh Russell Jones¹ (1990:16). Oleh hal yang demikian, kamus lama seperti *AMED* yang memuatkan daftar kata, sudah tentu boleh menjadi sumber bagi kajian etimologi.

1 Russell Jones (1990) berpendapat daftar kata yang terdapat bahasa Melayu boleh dijadikan bahan penyelidikan sejarah bahasa Melayu.

LATAR BELAKANG R.J. WILKINSON

R.J. Wikinson merupakan ahli pengajian Melayu yang tinggi pencapaiannya (Awang Had Salleh, 1974). Beliau merupakan pegawai tadbir dan sarjana pengajian Melayu berbangsa Inggeris antara yang terulung, pernah bertugas di Tanah Melayu.

Nama penuh R.J. Wilkinson ialah Richard James Wilkinson. Beliau dilahirkan di England pada tahun 1867. Anak sulung kepada R. Wilkinson, seorang Konsul British di Salonika, Greece. R.J. Wilkinson tiba di Tanah Melayu sebagai seorang Kadet Negeri-Negeri Selat pada tahun 1889. Beliau pernah memegang beberapa jawatan di Tanah Melayu antara tahun 1889 hingga 1922. Antaranya termasuklah sebagai Pegawai Daerah, Nazir Sekolah, Residen British, dan akhirnya sebagai Setiausaha kepada Kerajaan British bagi Negeri-Negeri Selat.


Semasa berkhidmat di Tanah Melayu, beliau pernah menghasilkan beberapa penerbitan seperti *A Malay-English Dictionary* (2 jilid) pada tahun 1901, *An Abridged Malay English Dictionary Edisi Kedua* (1919), *Handbook of Malay Language*, dan *Papers on Malay Customs and Beliefs* (1957). R.J. Wilkinson cukup prolifik dan banyak sumbangannya terhadap pengajian Melayu, terutamanya dalam bidang leksikografi kerana beliau dengan tekun mengusahakan beberapa buah kamus Melayu. Kamus yang diusahakan beliau dianggap “sangat canggih” (Raja Masittah Raja Ariffin, 1991), barangkali kerana kewibawaan Wilkinson sebagai penyusun kamus.

Pada tahun 1922, R.J. Wilkinson meninggalkan Tanah Melayu kerana dilantik menjadi Gabenor Sierra Leone, di Afrika. Beliau meninggal dunia di Smyrna, Turki pada bulan Disember 1941.

MAKLUMAT KORPUS KAJIAN

AMED pertama kali diterbitkan pada tahun 1908, dan kemudian dicetak ulang beberapa kali. Cetakan terakhir pada tahun 1961. Kamus dwibahasa Melayu-Inggeris ini memuatkan sebanyak 245 halaman, termasuk *addenda* sebanyak empat halaman. (Lihat Rajah 1).

Kamus ini diterbitkan oleh Percetakan Kerajaan Negeri-Negeri Bersekutu (*Government Press of Federated Malay States*) pada tahun 1908, bermakna kamus ini kini sudah berusia lebih 100 tahun. Walaupun sudah berusia 100 tahun, namun maklumat yang dimuatkan di dalamnya masih amat relevan bagi kajian etimologi dan juga leksikografi.



Rajah 1 Muka depan *An Abridged Malay-English Dictionary*, susunan R.J.Wilkinson pada tahun 1908

Menurut Zaitul Asma Zainon Hamzah (2005), *AMED* merupakan kamus yang baik dan bermutu. Pertama, kamus ini disusun menggunakan huruf Rumi. R.J. Wilkinson merupakan orang pertama berusaha mengubah huruf Arab ke dalam huruf Rumi dalam kamusnya. Kedua, kamus ini memuatkan maklumat etimologi. Kamus ini merupakan antara kamus terawal yang memuatkan keterangan etimologi dengan cukup baik, pada hemat pengkaji. Walaupun ada keterangan etimologi yang boleh dipertikaikan, namun, sumbangan Wilkinson terhadap perkamusan Melayu amat signifikan dan cukup bererti, khususnya dari sudut etimologi Melayu.

ANALISIS KORPUS

Tumpuan penelitian adalah terhadap aspek etimologi kata pinjaman Melayu yang disediakan oleh Wilkinson. Pengkaji juga menelusuri jalur peminjaman bagi sebilangan kata pinjaman, serta meneliti perubahan bentuk dan makna yang telah berlaku pada kebanyakan kata yang dimuatkan dalam kamus ini.

Kajian ini akan menggunakan pendekatan diakronik, iaitu membandingkan bentuk bahasa yang terdapat pada dua zaman yang berbeza. Kaedah perbandingan² diguna pakai dalam kajian etimologi untuk mengenal pasti perubahan bentuk dan makna perkataan dalam sesuatu bahasa. Perubahan bentuk kata dalam *AMED* dapat ditentukan dengan meneliti bentuk kata baku bahasa Melayu (BMB) yang digunakan sekarang. Untuk itu, kamus terkini, yakni *Kamus Dewan Edisi Keempat (KDE4)* yang diterbitkan pada 2005 dirujuk untuk melihat maklumat etimologi, bentuk dan makna katanya sekarang. Lazimnya, kamus terbaharu akan memuatkan bentuk yang baku atau standard.

PERBINCANGAN

Dalam bahagian ini, tiga perkara utama seperti yang berikut akan dibincangkan:

- a. asal usul kata pinjaman, jalur peminjamannya serta polemik tentang asal usul kata Melayu;
- b. perubahan bentuk kata (perubahan fonologi); dan
- c. perubahan makna bagi kata yang dientrikan dalam *AMED*.

KATA PINJAMAN

Maklumat asal usul bagi sebilangan kata yang disenaraikan dalam *AMED* diteliti, sebagai contoh, kata **kertas** (hlm. 109) dientrikan sebagai kata pinjaman Arab. Kata **kongsi** (hlm. 115) dientrikan sebagai kata pinjaman Cina. Lihat Rajah 2 kata **kertas** dan **kongsi** seperti dalam *AMED* di bawah ini:

2 Salah satu kaedah kajian dalam ilmu linguistik, kaedah ini lazim digunakan dalam linguistik sejarah untuk membandingkan bentuk bahasa bagi melihat bagaimana bahasa-bahasa yang dikaji itu menunjukkan kaitan atau perbezaan, dan menelusuri bagaimana bahasa itu berkembang daripada bahasa induknya. R.L. Task (1999) berpendapat kaedah perbandingan berkaitan dengan perubahan fonologi yang berlaku pada bentuk perkataan.

Kertas. I. Ar. paper; k. kembang or k. tskap, blotting-paper; mas k., gold leaf. II. (onom.) the rustle of crisp paper.

Kongsi, Ch. an association; a society (especially a secret society); kspala k., the head of a Chinese secret society.

Rajah 2 Entri kata pinjaman **Kertas** dan **Kongsi** dalam *AMED*.

Terdapat catatan etimologi bagi kata serapan daripada bahasa lain yang disediakan dalam kamus ini. Antara kata pinjaman yang dicatatkan dalam *AMED* ialah bahasa Arab (Ar), Sanskrit (Skr), Parsi (Par), Cina (Ch), Tamil (Tam), Turki (Tur), Eropah (Eur), dan Inggeris (Eng). Perhatikan beberapa contoh kata pinjaman dalam Jadual 1. (Senarai lengkap kata pinjaman dalam *AMED* disediakan dalam Lampiran 1).

Jadual 1 Kata pinjaman dalam *AMED*.

Bahasa	Contoh
Arab	aalam, abdi, dunia, dahshat, kamil, maana, nafkah, petua, silap, tabiat, umat.
Belanda	balak, duit, engsel, kamar, lachi, pompa, senapang, dan sifir.
Cina	cap, cat, cawan, cengki, cincau, chap, loteng, samsu, toko, tokong.
Eropah	ghali, ghalias, ela, kompeni, saku, tembakau, tir.
Hindi	agar, baldi, boria, chamchah, jamin, kuli, munshi, ragam, topi.
Inggeris	agarut, bairup, bangelo, butang, polis, saman, terompet.
Parsi	andam, bahari, bandar, biadab, destar, gandum, kenduri, nobat, saudagar.
Portugis	almari, bangku, bendera, dadu, gereja, lampu, mandur, paderi, pesta, sepatu.
Sanskrit	aksara, angkasa, biasa, chendena, denda, guna, keranda, menteri, negara, nila.
Tamil	bahasa, cerpu, ceti, gerodi, gurindam, kaldai, kapal, ketumbar, logam, taulan.
Turki	bashah, bokcha.

Jumlah Kata Pinjaman dalam *AMED*

Jumlah kata pinjaman yang disenaraikan dalam *AMED* berjumlah 1524 perkataan. Antara kata pinjaman ini, bilangan kata Arab merupakan yang terbanyak. Jumlahnya melebihi 600 perkataan, iaitu kira-kira 45 peratus daripada jumlah keseluruhan kata pinjaman. Kata Sanskrit merupakan bilangan yang kedua terbesar, iaitu sebanyak 410 perkataan. Manakala, kata pinjaman lain yang dientrikan dalam *AMED* adalah kurang 100 perkataan. Perincian bilangan kata pinjaman mengikut bahasa sumber adalah seperti dalam Jadual 2 yang berikut:

Jadual 2 Bilangan Kata Pinjaman dalam *AMED*.

Bahasa	Jumlah Kata Pinjaman	Peratus (%)
Arab	692	45.4
Sanskrit	410	27
Parsi	93	6.1
Portugis	75	5.0
Belanda	64	4.2
Cina	57	3.7
Tamil	47	3.1
Hindi	45	2.9
Inggeris	22	1.4
Eropah	17	1.1
Turki	2	0.1
Jumlah	1524	100

Kebanyakan kata pinjaman Arab ini meliputi bidang keagamaan, manakala kata pinjaman Sanskrit kebanyakannya pula berkenaan dengan manusia dan badannya. Kata pinjaman lain kurang jumlahnya, misalnya, jumlah kata pinjaman Belanda adalah sebanyak 64 perkataan, dan Cina 57 perkataan. Kata pinjaman Turki cuma dua perkataan dalam kamus ini. Ada antara kata pinjaman ini sudah begitu sebatu dalam kalangan pengguna bahasa Melayu sehingga mereka tidak sedar bahawa kata ini sebenarnya merupakan kata pinjaman.

Daripada pemerhatian terhadap senarai kata pinjaman, terdapat dua corak peminjaman bagi kata serapan yang disenaraikan dalam *AMED*. Yang pertama, pinjaman terus, seperti kata **dunia** (BM) < *dunya* (Ar). Ada sedikit perubahan fonem bagi kata pinjaman ini. Terdapat kata yang masuk ke dalam bahasa Melayu tanpa sebarang perubahan bentuk, seperti kata **arnab** daripada bahasa Arab.

Satu lagi cara kemasukan kata pinjaman adalah secara tidak langsung. Maksudnya, kata itu masuk ke dalam bahasa Melayu bukan melalui bahasa sumber tetapi melalui jalur bahasa lain, seperti kata **balak** (BM) > *balok* (Id) > *balk* (Bel). Dalam kes kata pinjaman Belanda ini, didapati kata ini masuk ke dalam bahasa Melayu melalui bahasa Indonesia selepas mengalami perubahan bentuk atau fonologi.

Barangkali, kini jumlah kata pinjaman yang dinyatakan oleh Wilkinson dalam kamusnya sudah menjadi kurang tepat. Hal ini kerana usaha menyurgalarkan asal usul kata pinjaman Melayu sentiasa dilakukan oleh pengkaji lain. Dapatan mereka sekarang menunjukkan data yang berbeza. Malah, data yang diberikan oleh Wilkinson sendiri dalam *A Malay*

English Dictionary yang disusun kemudian pada tahun 1955 menunjukkan perbezaan data. Misalnya dalam kamus ini, kata pinjaman Arab berjumlah 1115 perkataan, manakala Sanskrit 677 perkataan. Demikian juga kata Inggeris bertambah menjadi 488 perkataan, dan bahasa Cina menjadi 279 perkataan, Portugis 126 perkataan dan Tamil sebanyak 64 perkataan (Abdullah Hassan dan Ainon Mohd, 1994). Kajian yang dilakukan oleh Nathesan³ (2008) misalnya, menunjukkan bahawa terdapat sebanyak 92 kata pinjaman Tamil dalam bahasa Melayu, manakala Wilkinson hanya menyenaraikan 45 perkataan (1908) dan kemudian 64 perkataan (1955).

Selain itu, ketika ditelusuri dan disemak semula sumber kata yang disenaraikan dalam *AMED* didapati terdapat keterangan etimologi yang kurang tepat. Umpamanya, kata *bangelo* dientrikan sebagai kata pinjaman Inggeris, tetapi kata ini sebenarnya kata pinjaman Hindi. Hal-hal seperti ini akan dibincangkan kemudian dalam bahagian polemik kata pinjaman dalam *AMED*.

Dalam *AMED*, selain kata pinjaman daripada bahasa Asia dan Eropah, pinjaman daripada bahasa Nusantara seperti bahasa Jawa (Jw) serta dialek tempatan seperti dialek Kedah (Ked), Pulau Pinang (Penang) dan Perak (Perak) juga ada dientrikan sebagai sumber kosa kata Melayu.

Polemik Asal Usul Kata dalam *AMED*

Sebahagian kata serapan dalam *AMED* diberikan sumber etimologinya, namun, ada beberapa maklumat dalam kamus ini boleh dipertikaikan atau dibahaskan.

Kata **kahwa** (kopi) dientrikan sebagai kata pinjaman Arab. Kata ini, menurut James Collins (2003) berasal daripada kata *kahveh* (Turki) dan barangkali kata ini masuk ke dalam bahasa Eropah dahulu dan kemudian masuk ke dalam bahasa Melayu melalui *coffee* bahasa Inggeris. Ada yang sependapat dengan Wilkinson dengan menyatakan bahawa kata *kahwa* berasal daripada kata Arab "*qahwah*" Berdasarkan dua pandangan ini, barangkali ada dua jalur peminjaman seperti yang berikut:

kopi (BM) > *coffee* (Ing) > *qahwah* (Ar), atau
kahveh (Tur) < *coffee* (Ing) < **kopi** (BM).

Kata **munshi** dientrikan dalam *AMED* sebagai kata pinjaman Hindi, manakala dalam *KDE4* dientrikan sebagai kata pinjaman Arab. Menurut

3 Lihat Lampiran 2, Senarai Kata Pinjaman Tamil dalam bahasa Melayu dalam *Makna dalam Bahasa Melayu Edisi Kedua* (2008).

Mahendra (1970), *munshi* bermakna “a (Urdu or Persian) teacher (guru Urdu atau Parsi)” dalam Hindi. Barangkali kata ini masuk ke dalam bahasa Hindi melalui bahasa Parsi ataupun daripada bahasa Urdu. Ada kemungkinan kata ini dipinjam daripada bahasa Arab ke dalam bahasa Urdu kerana banyak kata Urdu dikatakan berkognat dengan bahasa Arab. Barangkali jalur peminjaman adalah seperti yang berikut:

(munsyi) BM > Hin > Urdu > Par.

Kata **hujah** yang diberi makna “questioning, cross-examination” dalam *AMED* dientrikan sebagai kata warisan. Kata ini sebenarnya kata pinjaman Arab. Dalam *Kamus Dewan* terkini kata ini bermakna, “pendapat berserta alasan yg diberikan sebagai menyokong atau menentang sesuatu pendirian” (*KDE4*, 2005:547) dan dientrikan sebagai kata pinjaman Arab. Jadi timbul polemik, sama ada kata ini merupakan pinjaman Arab, atau sebaliknya?

Kata **serbat** pula dientrikan sebagai kata pinjaman Arab dalam *AMED*. Menurut *Online Etymology Dictionary*, kata ini berasal daripada bahasa Turki, *zerset* dengan maksud “minuman yang diperbuat daripada jus buah dan gula”. Ada pandangan lain yang menerangkan kata *serbat* berasal daripada bahasa Parsi. Oleh hal yang demikian, jalur peminjaman kata *serbat* dapat ditunjukkan seperti yang berikut:

zerset (Tr) < *syarbat* (Psi) < *syarba(t)* (Ar) > *serbet* (BM).

Penelitian terhadap korpus menunjukkan banyak maklumat etimologi kata pinjaman Tamil dapat dipertikaikan. Misalnya, entri etimologi bagi kata **misai** sebagai kata warisan, iaitu kata asli dalam bahasa Melayu. Menurut Nathesan (2008), kata *misai* ialah kata pinjaman Tamil (*miisai*). Perhatikan jalur peminjaman kata ini:

miisai (Tam) < *misai* (BM).

Ada catatan bahawa kata *cherutu* (*cerut*) sebagai kata Melayu asli dalam *AMED*. Sebenarnya, kata ini berasal daripada bahasa Tamil dan maklumat etimologi ini tidak dinyatakan dalam *AMED*. Menurut *Online Etymological Dictionary*, kata **cerut** berasal daripada kata Tamil *curuttu* (gulungan tembakau), dan barangkali kata ini masuk ke dalam kosa kata Inggeris melalui Portugis *charuto*. Jalur peminjaman mungkin adalah seperti:

curuttu (Tam) > *charuto* (Por) > *ceroot* (Ing) > *cerut* (BM).

Kata *chanai* (**canai**) juga dikategorikan sebagai kata asli Melayu oleh R.J. Wilkinson. Tetapi, kata ini sebenarnya berasal daripada bahasa Tamil

(*caanai*), menurut Nathesan (2008). Jalur peminjaman adalah seperti yang berikut:

caanai (Tam) > (chanai) canai (BM).

Makna kata dalam kedua-dua kata adalah sama. Justeru, kata ini memang masuk ke dalam perbendaharaan kata Melayu terus daripada bahasa Tamil, dan bukan merupakan kata asli dalam bahasa Melayu.

Dalam *AMED* terdapat kata *arwa* “*a saw-edged knife*” yang dicatatkan sebagai kata asli Melayu. Dalam pada itu, dalam *Dictionary of Contemporary Tamil* (1994) ada entri kata *aruwal* yang membawa maksud “sejenis alat besi yang bengkok ke dalam untuk memotong”. Dalam bahasa percakapan, orang Tamil sering menggunakan kata *aruwa* untuk merujuk kepada alat pemotong ini. Jadi, ada kemungkinan kata ini dipinjam daripada bahasa Tamil dan jalurnya barangkali adalah seperti yang berikut:

arwa (BM) > *aruwal* (Tam).

Malangnya, kata ini tidak lagi disenaraikan dalam BMB.

Selain itu, dalam *AMED* kata **rani** dientrikan sebagai kata Hindi. Menurut www.myetymology.com, kata rani berasal daripada bahasa Sanskrit *rajñi*, dan kemudian dipinjam oleh bahasa Hindi, dan bahasa Melayu pula meminjamnya daripada bahasa Hindi. Jalur peminjaman adalah seperti yang berikut:

rani (BM) < rani (Hin) < *rajñi* (Sans).

Demikian juga **chapal** (capal) dientrikan sebagai kata asli Melayu, tetapi capal sebenarnya berasal daripada bahasa Hindi *chapel*. Barangkali kata ini masuk ke dalam BM melalui bahasa Inggeris *chapel* ataupun masuk ke dalam bahasa Melayu secara terus daripada bahasa Hindi.

Kata *bangalo* pula dicatatkan sebagai kata pinjaman Inggeris *bungalow* dalam *AMED*. Sebenarnya, kata ini ialah kata pinjaman daripada bahasa Hindi (S. Nathesan, 2009). *Online Etymology Dictionary* juga menjelaskan bahawa kata pinjaman ini merupakan pinjaman daripada bahasa Gujerati, *bangalo* atau Hindi *bangla*. Kemudian kata ini dipinjam oleh bahasa Inggeris, dan bahasa Melayu pula meminjam daripada bahasa Inggeris. Oleh yang demikian, jalur peminjamannya adalah seperti yang berikut:

bangalo (Guj) < *bangla* (H) < *bungalow* (Ing) < banglo (BM).

Seperti yang dijalurkan, kata ini masuk ke dalam bahasa Melayu melalui bahasa Inggeris.

Beberapa kata diberikan maklumat etimologi oleh R.J. Wilkinson sebagai kata pinjaman Eropah (Eur). Pengkaji berpendapat tidak wajar dikelompokkan kesemua kata sebagai kata Eropah. Kata ini hendaklah disusurgalurkan asal usulnya supaya dapat ditentukan mana satu bahasa Eropah yang menjadi sumbernya, iaitu jalur peminjaman kata pinjaman tersebut. Misalnya, kata **kompeni** dikategorikan sebagai kata pinjaman Eropah dalam *AMED*. James T. Collins (2003) pula menerangkan bahawa kata kompeni ialah kata serapan Belanda yang masuk ke dalam Melayu melalui bahasa Indonesia. Jalur peminjamannya adalah seperti yang berikut:

kompeni (BM) > kompeni (Id) > *compagnie* (Bel) > *compaignie* (Per). Barangkali, Wilkinson sedar bahawa kata tersebut ialah kata Perancis, namun, melonggokkan kesemua kata itu dalam satu kelompok umum, iaitu kategori Eropah dalam kamusnya.

Kata permisi demikian juga, kata ini merupakan kata Belanda yang masuk ke bahasa Melayu melalui Bahasa Indonesia. *AMED* pula mencatatkannya sebagai kata pinjaman Belanda. Menurut *Online Etymology Dictionary*, kata ini berasal daripada bahasa Belanda dan kemudian masuk ke dalam bahasa Melayu melalui bahasa Indonesia. Oleh itu, jalur peminjamannya hendaklah diterangkan seperti yang berikut:

permisi (BM) > *permisi* (Id) > *verlof* (Bel). (Secara literal permisi bermaksud *permission*).

Terdapat juga maklumat etimologi dalam *AMED* yang berbeza daripada kamus lain. Umpamanya, **chamchah** (camca) dientrikan sebagai kata pinjaman Hindi oleh Wilkinson. Dalam *Kamus Dewan* (1970) pula, kata ini dientrikan pula sebagai kata pinjaman Cina. (Tidak ada maklumat etimologi dalam *KDE4*). Oleh yang demikian, timbul polemik tentang asal usul kata ini, yakni sama ada kata ini berasal daripada bahasa Hindi atau Cina. Tetapi, menurut *A Practical Hindi-English Dictionary*, susunan Mahendra Caturvedi **camca** (*chamcha*) bermaksud "a large spoon" (sudu besar). Justeru dapat dinyatakan bahawa kata camca sebenarnya ialah kata pinjaman Hindi, bukannya kata pinjaman Cina. Maka entri Wilkinson adalah tepat.

Oleh sebab terdapat polemik bagi beberapa kata yang dientrikan oleh Wilkinson, maka asal usul kata ditelusuri lalu ditentukan sumber asal bagi kata-kata pinjaman yang sudah lama masuk ke dalam bahasa Melayu. Begitulah antara beberapa hal yang berkaitan dengan polemik bagi keterangan etimologi yang diberikan bagi kata pinjaman yang dientrikan oleh Wilkinson.

BENTUK KATA

Maklumat kedua yang dapat diperoleh berdasarkan kamus dwibahasa ini ialah hal perubahan bentuk kata berbanding dengan bentuk kata baku sekarang. Beberapa kata Melayu yang terdapat dalam *AMED* kini sudah mengalami perubahan bentuknya. Umpamanya, kata *laanat* dalam *AMED* (hlm. 19), kini berubah bentuk menjadi laknat. (Lihat bentuk bakunya dalam *KDE4*, hlm 870).

Perubahan Bentuk

Kajian etimologi⁴ turut menjejaki perubahan bentuk yang dialami sesuatu kata sehingga bentuk yang terkini. Dalam penelitian ini, bentuk perkataan merujuk kepada bentuk leksikal, seperti kata beda, guru, dan solat yang dibina oleh fonem-fonem tertentu. Misalnya, kata **beda** terdiri daripada fonem /b/, /e/, /d/, dan /a/. Dalam erti kata lain, bentuk itu merujuk kepada grafem beda.

Daripada korpus *AMED*, terdapat beberapa bentuk kata yang dicatatkan memperlihatkan perubahan dengan peredaran masa. Perubahan berlaku pada kedua-dua jenis kata Melayu, iaitu kata asli dan kata pinjaman. Walau bagaimanapun didapati lebih banyak kata pinjaman mengalami perubahan bentuk. Hal ini demikian kerana pada umumnya kata pinjaman ketika diserap ke dalam bahasa Melayu akan mengalami perubahan bunyi sesuai dengan sistem bunyi bahasa Melayu. Perkara ini akan menjadi jelas apabila dibandingkan kata dalam *AMED* dengan bentuk kata baku sekarang. Untuk mengenal pasti bentuk kata baku bahasa Melayu sekarang, maka *KDE4* dirujuk.

Dalam pada itu, terdapat kata dalam *AMED* yang mempunyai beberapa varian⁵. Antaranya adalah seperti yang berikut:

-
- 4 Etimologi secara umumnya bermaksud kajian asal usul atau sejarah perkataan, iaitu "makna sebenar atau asli sesuatu kata" (*A Glossary of Historical Linguistics*, 2007: 56-57). Selain itu, etimologi juga ialah kajian sumber serta perkembangan sesuatu perkataan. Dengan perkataan lain, etimologi ialah kajian akar dan sejarah perkataan, serta penelitian bagaimana bentuk dan makna perkataan berubah dalam peredaran masa.
- 5 Menurut *Dictionary of Lexicography* (1998), varian merujuk kepada "a form of a word which differs from other forms in spelling, pronunciation or grammar." Hal ini bermakna sesuatu bentuk perkataan berbeza dari segi ejaan, sebutan, atau nahu. Umpamanya, seperti bentuk kata beza dan beda dalam bahasa Melayu. *Kamus Linguistik* (1997) pula menggunakan istilah kelainan bagi varian.

<u>Bentuk Baku</u>	<u>Variannya</u>
agama	<i>igama, ugama</i>
mufakat	<i>mupakat, pakat</i>
syurga	<i>sorga, suarga</i>
jadual	<i>jidwal, jadwal</i>
jendela	<i>jandela, janela</i>
neraka	<i>nuraka, naraka</i>

Pertama, dibincangkan perubahan yang berlaku terhadap beberapa kata asli bahasa Melayu. Yang berubah ialah beberapa fonem tertentu kata tersebut. Misalnya, kata *angsur* berubah menjadi **ansur**, iaitu perubahan konsonan /ŋ/ menjadi /n/ dan *ahwal* > *ehwal*, iaitu perubahan vokal (/a/ > /e/). Antara contoh kata lain yang berubah pada awal kata adalah seperti yang berikut:

angus > *hangus* (fonem /Ø/ > /h/),
 dan *hulam* > *ulam* (fonem /h/ > /Ø/), dan
 idar > edar (vokal /i/ > /e/).

Ada juga kata yang berubah pada kedudukan tengah. Umpamanya, kata *bugil* menjadi *bogel* (/u/ > /o/), *goris* menjadi *gores* (/i/ > /e/), dan kata *kerdut* menjadi *kedut* (/r/ > /Ø/). Namun, tidak ditemukan kata yang mengalami perubahan pada kedudukan akhir bagi kata asli Melayu dalam *AMED*.

Satu lagi hal yang menarik tentang bentuk kata asli ialah terdapat kecenderungan untuk menggugurkan pangkal huruf dalam beberapa kata asli Melayu yang ditemukan dalam *AMED* jika dibandingkan dengan bentuk BMB. Contohnya adalah seperti, *asin* (masin) dan *asut*, (hasut). Dalam contoh ini, pangkal huruf konsonan seperti, /m/ dan /h/ digugurkan. Ada juga yang menggugurkan huruf akhirnya seperti /h/ dalam *masi* (masih).

Penelitian seterusnya ialah perubahan yang berlaku pada kata pinjaman yang ditemukan dalam *AMED*. Didapati kata pinjaman Arab mengalami perubahan yang lebih ketara jika dibandingkan dengan kata pinjaman lain kerana bilangan kata Arab merupakan kata pinjaman terbanyak. Antara yang mengalami perubahan awal kata ialah *adzab* (*AMED*, 1901:2) yang menjadi **azab**, iaitu perubahan gugus konsonan /dz/ menjadi konsonan /z/. Perubahan fonologi yang lain dapat dijelaskan seperti dalam beberapa contoh lain:

adzamat > *azamat* (fonem /dz/ > /z/), dan
hudhud > *hudud* (fonem /dh/ > /d/).

Contoh perubahan pada pertengahan kata pinjaman Arab adalah seperti yang berikut:

nadzir > nazir (fonem /dz/ > /z/), dan kata *rashwah* > rasuah, iaitu perubahan fonem tengah /sw/ menjadi /su/.

Selain itu, kata pinjaman lain yang juga mengalami perubahan seperti *termasa* (Par) berubah menjadi **temasya** dalam BMB. Perubahan fonem kata ini boleh disusungalurkan seperti yang berikut:

(/t/ > /Ø/; /s/ > /sy/).

Kata pinjaman Sanskrit *naraka* pula berubah menjadi **neraka**, iaitu perubahan fonem /a/ > /e/. Kata *garfu* (Port) berubah menjadi **garpu** dalam BMB, iaitu perubahan fonem /f/ kepada /p/. Demikianlah beberapa contoh perubahan kata pinjaman lain yang berubah pada kedudukan pertengahan kata. Daripada data, tidak ada kata pinjaman Arab atau kata pinjaman lain yang mengalami perubahan pada huruf awal kata itu.

Perhatikan beberapa contoh kata pinjaman yang berubah pada kedudukan akhirnya. Misalnya, kata *kiblah* menjadi kiblat (fonem /h/ > /t/), *gelorah* menjadi gelora (fonem /h/ > /Ø/), *jahiliat* menjadi jahiliah (fonem /t/ > /h/). Didapati kata pinjaman Arab sahaja yang mengalami perubahan pada akhir kata, manakala kata pinjaman lain tidak mengalami perubahan ini kerana tidak ditemukan sebarang contoh dalam korpus. Satu lagi dapatan, terdapat pengguguran glotal /ʔ/ bagi kata pinjaman Arab pada akhir kata dalam AMED. Misalnya, dalam kata *tama'* (tamak) dan *waba* (wabak) ada tambahan glotal, iaitu huruf /k/ pada akhir kata. Ada juga berlaku sisipan glotal bagi beberapa kata pinjaman Arab, seperti kata *dawa* > dakwa dan *dawat* > dakwat.

Sebagai suatu entiti yang dinamik, bahasa sentiasa mengalami perubahan, termasuk aspek bentuknya. Dalam proses mengemas kini aspek ejaan dalam bahasa, beberapa pedoman umum ejaan ditetapkan dari semasa ke semasa oleh badan perancang bahasa. Di negara kita, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) telah diamanahkan untuk memikul tanggungjawab merancang bahasa kebangsaan kita mulai tahun 1956. Antara usaha yang dijalankan termasuklah usaha pengekodan bahasa Melayu. Sebagai satu langkah pengekodan, DBP telah mengemaskinikan sistem ejaan bahasa Melayu.

Oleh itu, beberapa perubahan bentuk yang berlaku pada kata dalam AMED sebenarnya berdasarkan ketetapan pedoman ejaan Rumi baharu yang diperkenalkan oleh DBP pada tahun 16 Ogos 1972. (Lihat *Daftar Ejaan Rumi Bahasa Malaysia*, 1981 yang menjelaskan pedoman perubahan ejaan lama kepada yang baharu). Misalnya, huruf lama /ch/ > /c/, /dz/ > /z/ dan /th/ > /s/ seperti dalam *chamcha* > **camca**, *dzat* > **zat**, dan *thabit* >

sabit. Demikian juga e pepet yang dahulu ditulis bertanda di atas, iaitu ē, dalam *AMED* kini berubah menjadi e tanpa tanda di atas dalam ejaan Rumi baharu, seperti ēmak > emak. Dalam evolusi bahasa, perubahan bentuk⁶ adalah sesuatu yang tidak boleh dielakkan dan merupakan suatu hal yang lumrah (R.L. Trask, 1993).

Berdasarkan perbincangan tentang perubahan bentuk kata dalam *AMED*, beberapa rumusan dapat dibuat. Pertama, beberapa proses perubahan bentuk dapat dikesan. Antaranya termasuklah proses pengubahan fonem atau bunyi, seperti pengubahan fonem sama ada konsonan atau vokal, pelenyapan bunyi, penduaan vokal, pemenggalan vokal dan konsonan dan penambahan. Ini bermakna ada fonem diubah, digururkan, atau ditambah dalam kata BMB.

Selain itu, perubahan berlaku pada kedudukan awal, tengah dan akhir perkataan. (Lihat Lampiran 2 yang menyenaraikan kata dalam *AMED* yang mengalami perubahan). Seterusnya, perhatikan Jadual 3 di bawah yang menunjukkan kedudukan beberapa perubahan yang berlaku pada kata dalam *AMED* berbanding dengan BMB.

Jadual 3 Kedudukan perubahan bentuk kata dalam *AMED*.

Kedudukan	<i>AMED</i>	BMB	Perubahan fonem
Awal	<i>dzarab</i> <i>pakir</i>	darab fakir	/dz/ > /z/ /p/ > /f/
Tengah	<i>zeman</i> <i>diwan</i>	zaman dewan	/e/ > /a/ /i/ > /e/
Akhir	<i>kiblah</i> <i>ijazat</i>	kiblat ijazah	/h/ > /t/ /t/ > /h/

Didapati kebanyakan perubahan fonem berlaku kepada konsonan berbanding dengan vokal dalam kata *AMED*. Antara pasangan fonem konsonan yang berubah dalam kamus susunan Wilkinson adalah seperti yang berikut: /ch/ > /c/, /dh/ > /d/, /dz/ > /z/, /f/ > /p/, /j/ > /z/, /sh/ > /sy/, /h/ > /t/, /p/ > /t/, dan /t/ > /Ø/. Perubahan juga berlaku pada vokal tetapi bilangannya tidaklah banyak. Antara pasangan vokal yang berubah adalah seperti yang berikut: vokal /a/ > /e/, /a/ > /i/, /i/ > /e/, dan /o/ > /u/. Seperti yang dijelaskan pada awal perbincangan, perubahan ini berlaku berdasarkan hukum keselarasan huruf vokal dan perubahan huruf konsonan daripada ejaan

6 Trask (1993) menjelaskan bahawa hal ini sebagai perubahan diakronik dalam fonologi sesuatu bahasa.

lama kepada ejaan Rumi baharu seperti yang ditetapkan dalam Sistem Ejaan Rumi Baharu Bahasa Melayu.

Daripada perubahan bentuk kata dalam *AMED*, beberapa rumusan dapat dibuat. Pertama didapati bilangan kata pinjaman Arab mengalami perubahan lebih banyak berbanding dengan kata pinjaman lain. Huruf konsonan mengalami perubahan ketara berbanding dengan huruf vokal. Perubahan kata berlaku pada kedudukan awal, tengah, dan akhir bagi kata asli dan kata pinjaman yang terdapat dalam *AMED*. Perubahan pada akhir kata berlaku pada kata pinjaman Arab sahaja. Walaupun terjadi perubahan bentuk perkataan, namun, makna kebanyakan kata tersebut dikekalkan, iaitu makna asal. Dalam pada itu, terdapat juga beberapa kata yang berubah maknanya sekarang, dan ada yang sudah memperoleh makna tambahan dalam BMB berbanding dengan entri makna dalam *AMED*.

PERUBAHAN MAKNA

Perbincangan seterusnya ialah perubahan makna dalam *AMED*. Sebilangan kata dalam *AMED* kini telah mengalami perubahan makna⁷ berbanding makna asal perkataan tersebut. James T. Collins (2003) berpendapat kajian etimologi hendaklah menerangkan perubahan makna yang berlaku pada kata tersebut dalam menjejaki sejarah perkembangan sesuatu kata. Terdapat dua jenis perubahan makna yang ketara. Pertama, perubahan makna secara total, iaitu maknanya menjadi berbeza sama sekali daripada makna asalnya. Kedua, ada kata yang mengalami pertambahan makna atau penyempitan makna, iaitu ada tambahan komponen makna atau pengurangan komponen makna.

Perubahan Secara Total

Beberapa kata dalam *AMED* mengalami perubahan secara keseluruhan. Hal ini berlaku terhadap kata asli dan kata pinjaman. Ketika diteliti makna yang dientrikan dalam *AMED* dan makna yang digunakan sekarang terdapat dapatan yang menarik. Contohnya, kata **jiran** (*AMED*, 1901:88) yakni kata pinjaman Arab yang mendukung makna *relatives* (saudara-mara), kini sudah berubah makna menjadi "orang yang tinggal berhampiran dgn rumah". (Lihat *KDE4*, hlm 634).

⁷ Makna di sini merujuk kepada makna leksikal, iaitu makna seperti yang dientrikan dalam kamus. Contohnya, dalam *AMED* (hlm.116) kubis diberi makna "*cabbage*" manakala makna BMB ialah "sj sayur". (Lihat *KDE4*, hlm.837).

Kata **bandar**, kata pinjaman Parsi diberikan makna “*a seaport*”, iaitu kota pelabuhan dalam *AMED*. Makna itu kini sudah berubah. Dalam BMB, makna bandar ialah “tempat atau pusat yang ramai penduduknya dan terdapat banyak urusan dan perniagaan dijalankan”. Ini bermakna dengan peredaran masa, makna kata bandar sudah berubah seperti yang diterangkan. (Lihat maknanya dalam *KDE4*, hlm. 119).

Demikian juga kata **bahagia**, kata pinjaman Sanskrit mendukung makna *blessing* (berkat) dalam *AMED*, tetapi maknanya menjadi berlainan sekarang, iaitu “suasana senang dan aman, aman damai serta gembira”. Kata **ikhtisar** (Arab) diberikan makna *administration* (pentadbiran) manakala dalam BMB maknanya berubah menjadi “ringkasan, isi ringkas (cerita dll), sinopsis”.

Seterusnya, kata asli yang lain yang mengalami perubahan secara total, iaitu **bauk**. **Bauk** ialah kata asli Melayu. Entri makna dalam *AMED* ialah “*a beard under the chin*”, iaitu “janggut di dagu”, tetapi makna BMB pula ialah “bulu yang tumbuh pada pipi di depan telinga, iaitu jambang”. Jambang memang bermaksud “bulu yang tumbuh di pipi sebelah kedua-dua belah telinga.”

Sementara itu, kata asli **joget** pula diberikan makna “*a dancing girl*” (perempuan yang suka menari) tetapi makna sekarang ialah “*sj tarian dan lagu Melayu yg agak rancak iramanya, ronggeng, tandak*”. Kata **dana** pula diberikan makna “*gift, charity*” (hadiah, kebajikan) dalam *AMED*, manakala dalam BMB maknanya berubah menjadi “kumpulan wang untuk sesuatu tujuan atau kegunaan”. Contoh perubahan makna secara total yang lain, sila rujuk Lampiran 3.

Perluasan Makna atau Penyempitan Makna

Kategori kedua pula ialah entri yang mengalami perluasan makna, iaitu tambahan makna dalam kata dalam *AMED* berbanding dengan bentuk baku sekarang. Kata *diwan* (dewan), iaitu kata pinjaman Parsi mendukung makna “*a court of justice, a bench, a board*” (lembaga keadilan, bangku, papan), manakala makna dalam BMB adalah seperti yang berikut:

1. balai (ruang) tempat diadakan sesuatu (spt persidangan, perjumpaan, forum, ceramah, dll)
2. perbadanan (institusi, lembaga, dll) yang bertanggungjawab.

Dengan demikian, terdapat perluasan makna dalam BMB jika dibandingkan dengan makna dalam *AMED*. Antara tambahan maknanya ialah

“perbadanan yang bertanggungjawab” yang tidak ada dalam makna asalnya.

Kata *lucha* (lucuh), yakni kata pinjaman Hindi mendukung makna “*obscene, low*” (tidak senonoh, sangat rendah) manakala makna sekarang ialah “hina, keji, sangat rendah, tidak senonoh, tidak sopan”. Terdapat beberapa komponen makna tambahan dalam BMB sekarang. Perhatikan analisis komponen makna bagi kedua-dua kata tersebut:

Makna	Kata dalam	
	AMED	BMB
tidak senonoh	+	+
sangat rendah	+	+
hina	-	+
keji	-	+
tidak sopan	-	+

Kata **handal** turut mengalami perluasan makna. Dalam *AMED* kata **handal** diberikan entri makna “*trusty, reliable*” (setia, boleh dipercayai). Maknanya kini selain makna “setia, boleh dipercayai”, ialah “kenamaan, bijak, gagah, cekap, pandai” dan “amat baik (dlm sesuatu kemahiran)”. Lihat *KDE4*, hlm 509.

Kata **kemelut** mendukung makna “*the crisis in a disease*” (krisis semasa berlaku penyakit) dalam *AMED*. Dalam BMB pula ada tambahan makna selain komponen “keadaan yg genting atau berbahaya (bkn penyakit terutama penyakit demam)”, iaitu “keadaan atau saat yg genting atau berbahaya (bkn ekonomi, politik, dsb), kegentingan, krisis”.

Kata **luah** dalam *AMED* mendukung makna “*spitting out (food, etc., but not saliva) from the mouth*” (memuntahkan (makanan, dll, tetapi bukan air liur), manakala dalam BMB terdapat dua entri makna, iaitu “berasa hendak muntah, meloya” dan “muntah”. Jadi, dalam BMB ada tambahan komponen makna, iaitu “meloya”.

Kata **bestari** digunakan dengan meluas dewasa ini. Maknanya dalam *AMED* ialah “*well-bred, accomplished*” (berbudi bahasa, ternama). Dalam BMB, **bestari** bermaksud:

1. cerdas, pandai, berpendidikan, berbudi pekerti yang baik
2. beroperasi dgn berbantuan komputer, teknologi maklumat dsb (bkn sistem, sekolah, dsb).

Daripada penelitian makna dahulu dan entri makna sekarang, didapati terdapat perluasan makna dalam kata **bestari** pada hari ini. Ada tambahan

beberapa komponen makna yang tidak wujud pada masa dahulu. Seiring dengan peredaran masa, perkataan dalam bahasa akan memperoleh makna tambahan. Lihat senarai lengkap dalam Lampiran 3.

Berdasarkan analisis terhadap *AMED*, beberapa kesimpulan dapat dibuat. Pertama, kedua-dua kata asli dan kata pinjaman mengalami perubahan makna, sama ada secara penuh atau perluasan makna. Dalam pada itu, bilangan kata pinjaman Arab yang mengalami perubahan secara total melebihi kata lain. Kata asli pada keseluruhannya mengekalkan makna asalnya. Banyak kata dalam *AMED* mengalami perubahan makna, iaitu perluasan komponen makna. Justeru bilangan kata yang mengalami perubahan secara total adalah kurang berbanding dengan kata yang mengalami perluasan makna. Lihat Lampiran 2.

Perbincangan dua jenis perubahan makna yang berlaku bagi kata dalam *AMED* menjelaskan bahawa perubahan berlaku bukan sahaja pada bentuk kata malah pada makna kata Melayu yang dientrikan dalam *AMED*.

BEBERAPA PERTIMBANGAN TERHADAP MAKLUMAT ETIMOLOGI DALAM *AMED*

Berdasarkan perbincangan, beberapa saranan untuk dipertimbangkan tentang maklumat etimologi yang ditemui dalam kamus dwibahasa klasik ini. Pertama, terdapat beberapa kata yang dicatatkan asal usul katanya dalam *AMED* kini tidak diberikan keterangan etimologi dalam kamus-kamus hari ini, termasuk kamus terbitan DBP. Antaranya kata yang maklumat etimologinya digugurkan adalah seperti yang berikut: asli (Ar), banduan (Hin), butang (Ing), cuti (Hin), cawan (Ch), dewasa (Skt), gurindam (Tam), jam (Par), kerusi (Ar), mahligai (Tam), nista (Par), ordi (Bel), tom (Bel), tuala (Port), wangkang (Ch), dan zaman (Ar).

Pada hemat pengkaji, maklumat atau keterangan etimologi amat signifikan dan cukup bererti dalam kajian bahasa, khususnya dalam ilmu etimologi Melayu. Keterangan etimologi bukan sahaja penting ketika menyelusuri asal usul sesuatu perkataan, malah amat berguna kepada ahli etimologi dan ahli bahasa ketika mereka menjejaki sejarah sesuatu kata dalam bahasa Melayu. Oleh itu, amat wajar keterangan etimologi yang dimuatkan dalam *AMED* dimanfaatkan dalam penyusunan kamus, khususnya kamus etimologi Melayu. Diharapkan mudah-mudahan apabila terbit *Kamus Besar Dewan* yang dijangka diterbit tidak lama lagi, akan memuatkan keterangan etimologi secara tuntas dan lengkap bagi semua kata pinjaman dalam bahasa Melayu.

Kedua, terdapat sebilangan kata yang disenaraikan dalam *AMED*, sama ada yang asli mahupun kata pinjaman kini sudah tidak lagi dientrikan dalam kamus ini. Hal ini bermakna kata-kata ini akan hilang ditelan masa. Perhatikan beberapa kata asli yang sudah tiada lagi dalam BMB hari ini. Antaranya termasuklah kata *asek, bojot, coban, golot, habit, jeluang, jorang, kidap, mo'mit, nurmala, onis, riong, sunteh, tilu, dan ubar*. Semua kata ini sebenarnya mendukung makna yang tersendiri dan tidak ada kata padanan dalam BMB hari ini.

Demikian juga beberapa kata pinjaman yang sudah lenyap dalam BMB. Misalnya kata **apiun**, iaitu kata pinjaman Arab untuk makna "opium", tetapi kini tidak disenaraikan dalam BMB. Kata opium, iaitu kata pinjaman Inggeris, lebih biasa digunakan untuk menerangkan maksud candu. Barangkali dengan kemasukan kata pinjaman opium ke dalam bahasa Melayu, kata apiun sudah hilang penggunaannya. Hal seumpama ini lumrah berlaku dalam bahasa. Kata pinjaman lain yang digugurkan adalah seperti: kata *diwal* (Par), *horloji* (Por), *homam* (Tam), *kerki* (Tam), *kerakah* (Eur), *kelewar* (Bel), *podi* (Tam) dan *tul* (Eur).

Oleh yang demikian, terdapat kemungkinan kata ini akan lenyap daripada perbendaharaan kata Melayu kerana tidak ada catatannya dalam kamus baharu ataupun kerana kurang digunakan oleh pengguna bahasa Melayu. Memandangkan kosa kata ini diancam kepupusan, maka disyorkan supaya kata-kata ini diterima masuk semula dalam BMB untuk menggantikan kata pinjaman atau kata umum yang sedia ada dalam bahasa Melayu. Umpamanya, bagi kertas tisu sudah wujud kata *jeluang* yang mendukung makna *tissue paper* dalam *AMED*.

Justeru, kata *jeluang*⁸ ini boleh menggantikan kata tisu, ataupun dapat digunakan sebagai kata alternatif kepada kata tisu. Hal-hal seperti ini perlu diberi pertimbangan ketika mencari sumber kata untuk membentuk istilah baharu dalam bahasa Melayu.

8 Dalam *KDE4* (hlm. 421) ada entri kata *jeluang* sebagai kata sastera lama (sl) dengan makna "kertas atau kain yang diperbuat daripada kulit kayu".

KESIMPULAN

Kajian ini memperoleh maklumat etimologi daripada *AMED* yang diterbitkan 100 tahun dahulu. Antara aspek yang dibincangkan termasuklah asal usul kata Melayu, jalur pinjaman kata pinjaman, perubahan bentuk kata Melayu, dan perubahan maknanya. Meskipun ada maklumat etimologi yang boleh disangsikan ataupun boleh dipertikaikan, namun, kamus dwibahasa ini sarat dengan maklumat etimologi. Antara maklumat yang dapat dimanfaatkan ialah maklumat sumber bagi kebanyakan kata pinjaman dalam bahasa Melayu. Usaha untuk meneropong kamus-kamus lama seperti *AMED* wajar dikerjakan untuk memperkaya khazanah kajian etimologi dalam bahasa Melayu. Jika usaha murni seumpama itu dilakukan, natijahnya adalah cukup bererti dan amat berguna bagi kajian etimologi dan perkamusan Melayu. Hal ini juga sudah tentu akan memperkasakan kajian etimologi Melayu khususnya.

LAMPIRAN I

Entri Kata Pinjaman dalam *Kamus Wilkinson*

Bahasa	Entri Kata
Arab	aadzim, aalam, aalan, abad, abadiat, abdi, abadi, abjad, abrak, abu, adab, adam, adat, adib, adika, adil, adzab, adzamat, afiat, afrit, ahli, ahlu, ahmak, ahwal, aib, ain, aiyar, ajaib, ajal, ajnas, akal, akat, akbar, akeek, akhir, akhirat, alaihi, alaikum, alam, alamat, alat, alim, almas, alwat, amal, aman, amanat, amar, ambar, amin, amir, amris, anbia, andar, antelas, apiun, aral, arash, arif, arwah, asad, asal, ashik, askar, asli, arate, amab, atau, aulia, awal, ayat, aza, azab, azal, azimat, aziz, azmat, baada, bab, badan, badar, badui, baghal, bahar, bahas, baid, bait, baka, balasan, bam, banat, barakat, bari, bakhil, baki, bala, balgham, baligh, baras, batal, batin, basawir, begar, bergok, berkat, beteka, bi, billahi, bidaah, bidak, bighair, fikir, bilal, bismi, bint, binti, borak, bulugh, bunduk, burhan, burj, dabir, daerah, dafnah, daftar, dahshat, dagal, dakhil, dalal, dalabah, dalil, dam, dar, darjat, daulat, dawa, dawat, dayus, derham, din, diat, dikir, doa, dubur, dukan, dunia, dzaif, dzakar, dzarab, dzarurat, dzikir, dzu, eja, ela, aedah, fajar, fakir, falak, fana, faraj, fasal, fatihah, feel, fi, firasat, firdaus, firman, fitnah, fuad, gamis, gana, gelorah, gelunjab, ghafur, ghaib, ghalib, gharib, ghulam, gorap, hadiah, hadis, hadir, hadzrat, hafal, haibat, haizd, hairan, haiwan, hajat, haji, hak, hakikat, hakim, hal, halal, halba, halir, haikum, hamil, hamzah, haram, hasad, hasil, hatam, hawa, hayat, hebat, hebat, heran, hidayat, hikayat, hikmat, hilap, hisab, hormat, hu, hua, hudhud, hukah, hukama, hukum, hurmus, huruf, iba, ibadat, ibarat, iblis, ibni, ibtida, idzin, ijabat, ihram, ihsan, ihtiar, ijthad, ikhlas, ikhtilaf, ikhwan, ijazah, ikhtisar, ilahi, ilham, ilmu, imalat, imam, iman, inai, ingkar, injil, insaf, insan, insha, intimal, iradat, isha, isharat, istiadat, istinjah, istiwa, istirahat, jabal, jabar, jadwal, jahad, jahanam, jahil, jahiliat, jails, jail, jamal, jaman, jariah, jauhar, jawab, jebat, jeda, jenazah, jerus, jidar, jilid, jima', jin, jimat, jumlah, jiran, jirat, jirjir, jismani, jubah, jubur, jujat, juz, kabir, kabul, kadam, kadi, kadar, kadir, kafilah, kafir, kahin, kahwa, kahwin, kaifiat, kalam, kalbu, kalikausar, kalimah, kamat, kamil, kamir, kamus, kandil, kapan, kapid, karib, karun, kasa, kasad, kasrah, katib, kaul, kaum, kaus, kayal, kelabat, keparat, kesah, keramat, kertas, kerusi, khabar, khair, khamis, khayalak, khali, khalifah, khalka, khamir, khatam, khatan, khatib, khayal, khemah, khidmat, khilaf, khiali, khianat, khizanah, khuatir, khula, khurma, khusus, khutbah, kias, kiblah, kimia, kisah, kitab, koja, kuat, kuatir, kubur, kudrat, kudus, kulup, kun, kunyah, kupu, kurban, kurma, kursi, laal, laanat, lahad, lahir, lakin, lau, layak, lazat, lazim, lisan, liwat, loban, loh, loha, lohor, lolo, maaf, maalum, maamur, maana, maashuk, madah, madrasah, mafhum, maghlab, maghrib, mahar, maimun, mahar, mahap, mahir, mahkamah, majlis, majmu', makam, makar, makroh, mal, makbul, makhluk, maksud, maktub, malaikat, malik, malim, manfaat, mani, marifat, marikh, martabat, masaalah, maulana, mamlakat, mashghul, mashhur, masalla, masiat, masihi, masjid, mashrek, maulana, maulud, maut, mawar, mayat, mazkur, meerat, melek, menara, merakap, merjan, mesegit, meshurat, mihrab, milek, misal, mimbar, miskal, miskin, mistar, modin, motabar, muapakat, mu'alim, muazam, mubarak, mufli, mubahat, mujarrab, mukim, mumin, munajat, mungkir, murid, murka, mursal, mustaed, murtad, musafar, mushkil, musim muslihat, mustahil, mustajab, mustakim, naam, nabi, nadzar, nadzir, nafkah, nafsu, nahas, nahi, nahu, naib, nafi, najis, napas, nasab, nasar, nasib, nasihat, naskah, nazam, neemat, niat, niskah, noktah, nujum, nun, nur, nusus, pakat, pakir, paham, pana, parak, pasal, peduli, perlu, perman, petenah, petua, piker, pirasat, polan, rabi, radzi, rahim, rahman, rahmat, raib, rakaat, rakam, ralat, ramal, rashwah, rashid,

	<p>rasul, ratib, rayat, rawi, rejam, rejeki, ria, riba, rihal, rijal, riwayat, roh, rojok, royat, ruadat, rukun, saadat, saat, sabar, sabil, sabun, saf, said, sajadah, sahabat, saheh, sahib, saif, sajak, salahin, salam, salib, saman, sangka, sapir, sarwal, satar, sawab, sedekah, sedekah, sebahat, sehat, shaer, sejarah, selamat, sekedup, serahi, serbat, serikat, setan, saher, shahid, shafaar, shahadan, sahadat, shahuat, shak, shamsu, sharbat, sharat, shareat, sharif, sharikat, shukur, siasat, shurga, silah, sir, silap, sipat, soal, sobat, sotah, subhana, suboh, suf, sufi, sujud, sulalat, suldi, sultan, sunat, sura, surah, taajub, taalok, taat, tabak, tabal, tabiat, tabib, tabir, taj, takbir, taksir, takwim, talkin, tama', tamat, tadbir, taj, tajwid, tamsil, tarikh, tasbeh, tashdid, tashrih, taubat, tauhid, taun, tawakkul, tekebur, terasul, terbus, terjemah, tertib, thabit, thalju, tobat, tuhfah, tulah, ujud, ulama, umat, umum, umur, usul, waad, waba, wafat, waham, wahid, wajah, wajib, wakaf, wakil, waktu, walakin, walau, wali, waris, warkat, wasi, wasiat, waswas, wazir, yakin, yarkan, yatim, yaum, zabat, zabib, zabor, zahid, zakar, zakat, zamrud, zaman, zetun, ziarat, zina, zu.</p>
Belanda	<p>balak, belau, bor, bunchis, bun, dam, duit, dukat, engsel, gerim, ghali, jongos, kamar, kantur, kelewar, lachi, ongkos, opas, pajak, pelekat, pergul, permisi, pompa, sekerup, sekerup, sekup, sekochi, selderi, senapang, serbet, sekopong, sekup, selderi, seperai, serbet, seterup, setelop, sifir, sup, tom, tong.</p>
China	<p>aboe, anglo, bami, bali, bami, banji, bechak, beleko, chang, chap, chawan, chatang, cheki, chengki, chi, chinchau, chinch, chinting, chompoh, chun, hoe, hun, kangka, kangsin, kechuak, kongsi, kuchai, kuntau, laichi, langkan, locheng, lokchuan, loki, loteng, lu, opau, panking, pekong, po, sampam, samsu, singkek, sipua, soah, tangklung, tangsi, tauke, teh, teng, tengsi, tesi, toakang, toko, tokong, topekong, tsochang, tauge, unchui, wangkang.</p>
Eropah	<p>bom, dam, ela, gaji, geliong, ghali, ghalias, horloji, jangkar, karakah, kompeni, pipa, saku, tangki, tembakau, tir, tul.</p>
Hindi	<p>achar, agar, amra, ayah, baldi, bara, bendari, b nduan, bibi, boria, busi, chadar, chalu, chamchah, chandal, charbi, chekar, cheri, cheteri, choli, chuti, derji, dobi, gi, hablok, holi, jamin, jenaka, juli, kerani, kuli, lota, lucha, madat, man, munshi, onta, ragam, rani, roti, rupiah, sipahi, topi.</p>
Inggeris	<p>anjiman, ararut, ayan, bairup, bangelo, bandul, belok, bodok, bogi, butang, inci, kenari, kerul, kopi, kubis, mem, polis, saman, sitin, takal, terompet, terpal.</p>
Parsi	<p>ab lur, andam, anjir, antero, bafta, bahaduri, bahari, bakhtiar, badam, bandar, bang, bedebah, behina, bejar, bena, biadab, biaperi, bustan, chabok, chogan, darya, derwis, destar, dewana, dibaj, diwal, diwan, diwani, domba, donia, firdaus, gandum, giwah, honar, istana, jahan, jam, johan, juadah, kabab, kenduri, khanjar, kiani, kismis, kobah, kojah, kulah, lashkar, lazuardi, medan, majusi, mohor, mozah, nafiri, nakhoda, nesan, nobat, pahlawan, panir, pasar, pelana, pelita, peri, persona, piala, pirus, roji, rubah, rukh, sabas, sagar, sah, saki, sakhlal, sambok, samsir, saudagar, sekul, seluar, serban, shah, shaker, shal, sudah, sundus, surmah, takhta, teji, teraju, termasa, zadah, zirafah, zirah.</p>
Portugis	<p>alabangka, algoja, alkari, almari, antero, aruda, balok, bangku, beledu, bendera, beranda, biola, bius, bola, bolu, bomba, boneka, bordu, boseta, boya, chabuk, chapian, chenela, dadu, daksina, didal, garfu, gereja, istinggar, jendela, kaldu, kapitan, kawin, kebaya, keju, kelasi, kemeja, kempa, kermu, lampu, lanchang, lelong, lidal, mandur, markah, martil, meja, mentega, merinyu, minggu, paderi, pailsu, peluru, peniti, perada, pesta, pita, renda, rial, roda, rodi, ronda, sela, selada, sepatu, serdadu, siar, sila, soldadu, tempo, teratu, terigu, terongko, tinta, tuala.</p>

Sanskrit	<p>achara, adi, adikara, adipati, adiraja, adiwarna, agama, aksara, alpa, anda, andoman, aneka, anggota, angka, angkara, angkasa, angsa, angsoka, aniaya, anugerah, anta, antara, archa, arjuna, asa, asmara, atau, baginda, bahagia, bahasa, bahaya, bahtera, bahula, bahwa, baiduri, bajan, bakti, bala, bandu, bangos, bangsawan, baya, bayu, beda, bedara, begawan, bejana, belati, belia, benchana, benda, bendahara, bendahari, bentala, bentara, berahman, berida, berita, berma, beta, beti, bichara, bidan, biasa, bidadari, biduan, biduanda, bijak, bijaksana, binasa, bisi, bisnu, boga, bota, buana, budi, bupah, budiman, busana, chabai, chahaya, chakera, chakerawala, chatur, chedera, chemara, chempaka, chenangga, chendala, chendana, chendera, chengkerema, cherana, cherawat, chercha, cheria, cherna, chetera, cheteria, chinta, chintamani, chita, chuacha, chukka, chukka, chula, daksina, dana, danta, dara, dasa, datia, delima, denda, derawa, derhaka, derita, derma, dermawan, desa, dewa, dewangga, dewasa, dewata, dina, dirgahayu, dola, doman, dosa, duka, duli, dupa, durja, dusta, gada, gandewa, gandi, gangsa, gaya, gembala, gempita, genta, gergasi, gerhana, geroda, gerudi, geta, giri, gomba, guna, gunawan, guru, hara, harga, hartawan, hasta, hina, igama, istanggi, isteri, jaga, jagat, jambu, jampi, jasa, jaya, jelma, jenggala, jentera, juita, jogi, juta, kala, kama, karna, kechapi, keluarga, kenchana, kendera, keranda, kerja, kerma, kesmaran, kesoma, kesumba, kesturi, ketika, kin, koma, kosa, kota, kuasa, kumba, kurnia, laksa, laksmana, lengkara, lepa, loga, loka, madu, mah, mahkota, mahligai, mahisa, mala, manek, mangga, mangsa, mantera, manusia, mangsi, manjapada, mara, masa, maya, mega, Melaka, melati, menteri, mercha, merchapada, mereh, merdeheka, merdu, merpati, mesra, meta, merta, mina, misa, mulia, murka, mulia, murka, mulia, mutiara, nadi, naga, nama, naraka, nata, negara, negeri, neka, nentiasa, nestapa, nila, nista, nyata, pada, paduka, pahala, pala, paksi, pancha, papa, pati, peduka, pediah, pekerti, pelihara, pekerti, pendita, penjara, perba, pereksa, perdana, pereksa, perkara, perkasa, permana, permaisuri, permata, pernama, pertama, pertewi, perwara, perwira, pestaka, petala, peterana, puasa, puja, pura, puri, purba, purnama, puspa, putera, puteri, rahsia, rahu, raja, rajawali, raksa, raksasa, ratna, reka, resi, roma, rona, rugi, rupa, rupawan, sabda, sadu, sahaya, saksama, saksi, sakti, sama, sangka, sangkakak, sarwa, sasa, sastera, sasterawan, saudara, saujana, seberhana, sedekala, sederhana, sedia, seganda, segara, segera, sejahtera, sekerba, selesa, selera, selasch, seloka, semata, semburna, semerdanta, semesta, sempurna, semua, semudera, sena, senda, sendawa, sengkela, sendi, senentiasa, senggama, sengsara, senja, senjata, sentiasa, sentosa, seperba, serama, serapah, serba, seri, seroja, serta, seru, seta, setanggi, setia, setiawan, setua, singa, singgahsana, sokma, sorga, sisa, suaka, suami, suara, suchi, suka, sula, sura, suralaya, suraya, suri, sutera, tatkala, teja, teka, telaga, tembaga, tenggala, teri, terisula, terka, teruna, tetapi, tingkal, tuna, turi, udara, ufti, ugahari, umpama, umum, umur, usia, utama, utara, walimana, wanta, warga, warna, warta, wati, wijaya, wira.</p>
Tamil	<p>apam, asa, bahasa, bahaya, bahtera, bahwa, baiduri, bakti, banchi, bandu, chemeti, cherpelai, cherpu, cheti, chuku, gerodi, gurindam, homam, kaldai, kapal, katil, katlum, kawal, kenderi, kerki, ketumbar, kolam, logam, mahligai, manikam, mepelai, merikan, modal, mutu, nelayan, peti, podi, puadai, pualam, sami, sedelinggam, senteri, tambil, tandil, taulan, terusi, tirai.</p>
Turki	<p>bashah, bokcha.</p>

LAMPIRAN 2

Perubahan Bentuk Kata dalam AMED

AMED Kata Baku	Perubahan fonem
<i>ahwal</i> > ehwal	vokal /a/ menjadi /e/
<i>angsur</i> > ansur	konsonan /ŋ/ menjadi /n/
<i>angus</i> > hangus	tambahan konsonan /h/
<i>antar</i> > hantar	tambahan konsonan /h/
<i>bugil</i> > bogel	vokal /u/ menjadi /o/ dan /i/ menjadi /e/
<i>bulugh</i> > baligh	perubahan vokal /u/ menjadi /a/; u menjadi /i/
<i>dawa</i> > dakwa [daʔwa]	sisipan glotal /ʔ/
<i>diwan</i> > dewan	vokal /i/ menjadi /e/
<i>dzakar</i> > zakar	konsonan /dz/ menjadi /z/
<i>gelorah</i> > gelora	konsonan /h/ digugurkan
<i>goris</i> > gores	vokal /i/ menjadi /e/
<i>harus</i> > arus	konsonan /h/ digugurkan
<i>heran</i> > hairan	perubahan vokal /e/ menjadi diftong /ai/
<i>hukur</i> > ukur	pengguguran konsonan /h/
<i>iktihar</i> > ikhtiar	sisipan konsonan /h/
<i>isha</i> > isyak [iʃaʔ]	perubahan konsonan /sh/ menjadi /sy/ dan tambahan /ʔ/
<i>jadwal</i> > jadual	separuh vokal /w/ kepada vokal /u/
<i>jamjam</i> > zamzam	konsonan /j/ menjadi /z/
<i>kesoma</i> > kesuma	vokal /o/ menjadi /u/
<i>kapada</i> > kepada	vokal /a/ menjadi /e/
<i>karna</i> > kerana	vokal /a/ menjadi /e/; sisipan vokal /a/
<i>laanat</i> > laknat (laʔnat)	vokal /a/ menjadi glotal /ʔ/
<i>lucha</i> > lucuh	konsonan /ch/ menjadi /c/; tambahan konsonan /h/
<i>masaalah</i> > masalah	guguran vokal /a/
<i>musafar</i> > musafir	vokal /a/ menjadi /i/
<i>onta</i> > unta	vokal /o/ menjadi /u/
<i>permaidani</i> > permaidani	tambahan gugus konsonan /kh/
<i>pernama</i> > purnama	vokal /a/ menjadi /e/
<i>rashwah</i> > rasuah	konsonan /sh/ menjadi /s/; separuh vokal /w/ berubah menjadi vokal /u/
<i>sipua</i> > sempua	vokal /i/ diganti dengan /em/
<i>sobat</i> > sahabat	perubahan vokal /o/ menjadi /a/ dan tambahan suku kata ha
<i>thalju</i> > salji	konsonan /th/ menjadi /s/
<i>tawakkul</i> > tawakal	guguran konsonan /k/
<i>termasha</i> > temasya	guguran konsonan /r/; konsonan /sh/ menjadi /sy/
<i>zetun</i> > zaitun	vokal /e/ menjadi diftong /ai/
<i>ziarat</i> > ziarah	konsonan /t/ menjadi /h/

LAMPIRAN 3

i. Perubahan Makna Secara Total Kata Baku Berbanding dengan AMED

Kata	Makna dalam AMED	Makna BMB
amah	<i>a Chinese nurse</i> (jururawat Cina)	perempuan yg bekerja sbg pembantu rumah, orang gaji
baldi (Hin)	<i>a horse bucket</i> (baldi untuk memberi air kepada kuda)	sj bekas bertangkai yang dibuat daripada zink atau plastic yang digunakan untuk mengisi air (rendam pakaian, dll).
b _{nduan} (banduan) (Hin)	<i>a transported convict</i> (penjenayah yang dipindahkan dari satu tempat ke tempat lain).	orang yang ditahan dlm penjara (kerana melakukan jenayah atau sehingga dibicarakan di mahkamah)
beta	<i>slave, servant, your servant</i> (hamba, orang gaji)	kata ganti diri pertama untuk raja
boria (Hin)	<i>a topical song</i> (sejenis lagu topikal)	sj kesenian tradisional dalam kalangan orang Melayu Pulau Pinang
dana	<i>gift, charity</i> , (hadiah, kebajikan)	kumpulan wang untuk sesuatu tujuan atau kegunaan
gunawan (Skr)	<i>skilled in magic art</i> (berkemahiran dalam ilmu sihir)	1. (sl) mempunyai sifat-sifat kebaikan, 2. berguna
ikhtisar (Ar)	<i>definition</i> (takrif)	(Ar) ringkasan, isi ringkas, (cerita dll) sinopsis
jadwal (jadual) (Ar)	<i>a tabular statement</i> (kenyataan tersusun)	1. daftar atau senarai fakta 2. susunan acara atau perkara-perkara yang diatur mengikut masa yg ditentukan
jinjing	<i>carrying a light burden, using fingers only</i> (mengangkat barang ringan menggunakan jari-jari sahaja)	membawa sesuatu dgn tangan yg terhulur ke bawah, menjinjit, membimbit
kechewa	<i>injured, put to shame</i> (cedera, memalukan)	1. (berasa) dukacita kerana tidak tercapai cita-cita 2. tidak berjaya (mencapai sesuatu), gagal (dlm ujian usaha, tidak berhasil) 3. sl cela, cacat
kemelut	<i>the crisis in a disease</i> (krisis dalam penyakit)	1. keadaan yg genting atau berbahaya 2. keadaan atau saat yg genting atau berbahaya
kongsi (Ch)	<i>An association, a society (especially a secret society)</i> (suatu pertubuhan, suatu kelab, khususnya kongsi gelap)	1. persekutuan (pergabungan) yg mengandungi dua orang atau lebih yg bekerjasama (dlm sesuatu usaha dsb) 2. persekutuan pedang-pedang syarikat
mahkamah (Ar)	<i>a court of justice</i> (dewan keadilan)	tempat membicarakan kes undang-undang, dewan atau majlis perundangan

ii. Perluasan Makna bagi Kata dalam AMED

Kata	Makna dalam AMED	Makna dalam BMB
auta	<i>false, lying</i> (tidak benar, berbohong)	(bp) borak (tidak sungguh-sungguh, temberang).
bilas	<i>washing in fresh or scented water after a bath in common water</i> (membersihkan diri dalam air segar atau harum selepas mandi dalam air biasa)	membasuh atau mencuci sesuatu (tubuh, pakaian, dll) untuk kali kedua dan seterusnya sehingga bersih
biduan (Skt)	<i>musician, a singer or dancer</i> (ahli muzik, penyanyi atau penari)	penyanyi lelaki
botak	<i>bald at the back of the head</i> (tidak berambut di bahagian belakang kepala)	tidak berambut (di kepala manusia)
dahshat (dahsyat)	<i>panic, alarm, to rouse panic, to terrify</i> (panik, cemas, menimbulkan kecemasan, mengerikan)	menakutkan, mengerikan, hebat, amat sangat, terlampau
dongeng	<i>A tale for chanting</i> (cerita untuk mazmur)	1. cerita khayalan (yg diada-adakan kejadiannya) 2. sesuatu (spt berita, cakap-cakap, dll) yang tidak benar
dewasa	<i>time, period, date</i> (masa, tempoh, tarikh)	1. sudah baligh, sudah berumur 21 tahun ke atas 2. sudah cukup besar, 3. pd masa, pd ketika, pd waktu 4. sudah banyak pengalaman dan pengetahuan, matang
dusun	<i>a village, a hamlet, a groove</i> (sebuah kampung, desa, alur)	1. kampung yang terpencil, dukuh 2. kebun buah-buahan
guru (Skr)	<i>a teacher, a school mistress</i> (guru, guru perempuan sekolah)	1. orang yang mengajar, pendidik, pengajar, pengasuh, 2. pemimpin agama Hindu
gus	<i>Together, all at a time, collectively</i> (bersama-sama, semuanya pada waktu yang sama, secara kolektif)	semuanya pada waktu yang sama
halaman	<i>a lawn before a palace or mansion</i> (tanah lapang di hadapan istana atau mahligai)	1. perkarangan rumah, tanah (kawasan lapang) di hadapan rumah 2. muka buku (majalah, surat khabar, dll)
kurban (korban) (Ar)	<i>a sacrificial offering</i> (persembahan korban)	Ar 1. amalan menghampirkan diri kpd Allah dgn menyembelih binatang ternakan 2. persembahan spt haiwan atau manusia kpd dewa dlm pemujaan 3. pemberian (kesanggupan melakukan atau menanggung sesuatu) sbg tanda kebaktian (kasih, dll) 4. (orang) yang menanggung penderitaan akibat sesuatu (perbuatan dll)

S. NATHESAN

lisan (Ar)	<i>the tongue</i> (lidah)	<ol style="list-style-type: none"> 1. Lidah 2. sesuatu yang diucapkan
<i>lughat</i> (loghat) (Ar)	<i>a vocabulary, a dictionary</i> (perbendaharaan kata, kamus)	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kata (dlm erti yang sebenarnya) 2. bahasa daerah, dialek, bahasa setempat 3. gaya mengucapkan kata-kata
<i>lucha</i> (lucah) (Hind)	<i>obscene, low</i> (tidak senonoh, sangat rendah)	hina, keji, sangat rendah, tidak senonoh, tidak sopan
gelanggang	<i>an enclosure for cocks to fight in. a circular space</i> (tempat tertutup untuk ayam bersabung ayam, ruangan yang bulat)	<ol style="list-style-type: none"> 1. tempat menyabung ayam (bertinju, bermain sukan, dll) 2. medan perang (pertempuran, pertarungan) 3. lingkaran di sekeliling bulan (matahari, susu, luka, dll) 4. ruangan atau tempat perjuangan sesuatu bidang
jahil (Ar)	<i>ignorant of God's word</i> (jahil akan kalimat Tuhan)	<p>Ar</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. tidak mengetahui (ajaran agama Islam, sesuatu hal, dll) bodoh 2. cetak pengetahuannya
keranda (Skr)	<i>a three-plank coffin</i> (keranda buatan tiga keping papan)	peti utk menguburkan mayat, larung, long
kolam (Tam)	<i>a pond, a reservoir, a tank</i> (kolam, tangki)	<ol style="list-style-type: none"> 1. lubang (lekuk) di tanah yg berisi air 2. lubang di tanah yg besar dan dalam utk menakung air hujan (air dr sungai dll) utk minuman 3. bekas (yg dibuat drps batu, simen, dll) yg diisi air (utk mandi dll)
markah (Port)	<i>the mark on a sounding line</i> (tanda pada garisan yang berbunyi)	<ol style="list-style-type: none"> 1. tanda, tanda pd tali penduga 2. angka yang diberikan pd mata pelajaran dlm peperiksaan dll (sbg ukuran bagi mutu jawapan kpd soalan).
<i>mupakat</i> (muafakat) (Ar)	<i>agreement, decision after consultation</i> (persetujuan, keputusan selepas perundingan)	<ol style="list-style-type: none"> 1. setuju, seia, sekata 2. sesuatu yang dipersetujui, pernyataan setuju, persetujuan 3. perundingan, pembicaraan, permusyawaratan 4. berunding (bermesyuarat) dgn 5. seia, sepakat
murka (Skr)	<i>wrath, anger, the wrath of God or of a prince</i> (kemarahan, kemarahan Tuhan atau putera raja)	(bd) marah, meradang

KAJIAN AN ABRIDGED MALAY-ENGLISH DICTIONARY

pedoman	<i>a compass</i> (kompas)	<ol style="list-style-type: none"> 1. sj alat berupa jam yg menunjukkan arah (mata angin), kompas 2. ki sesuatu yg dijadikan asas (pegangan) utk melakukan sesuatu, petunjuk 3. buku petunjuk (mengandung cara menjalankan atau melakukan sesuatu) 4. pimpinan (perkumpulan dll), pengurus
rakam (Ar)	<i>painting or gilding cloth</i> (mengecat atau menghias kain)	<ol style="list-style-type: none"> 1. hasil mengecap (bunga-bunga pd kain, huruf atau tanda yg dicetak, dll) 2. garis-garis berwarna pd kain tenun, suji, atau sulam yg berwarna lain 3. alur bunyi atau suara pd piring hitam atau pd pita (perakam pita)
siasat (Ar)	<i>chastisement, punishment</i> (hukuman, denda)	<ol style="list-style-type: none"> 1. pemeriksaan (yg teliti), penyelidikan 2. teguran, celaan kecaman, kritik 3. segala sesuatu yg bersangkutan dgn kenegaraan (pemerintahan negari), siasah, politik 4. kebijaksanaan (kebolehan, kecekapan, dll) mengerjakan sesuatu (mencapai sesuatu maksud), muslihat, taktik
tafsir (Ar)	<i>commentary (on the Kuran)</i> (tafsiran Al-Quran)	<ol style="list-style-type: none"> 1. keterangan dan penjelasan bkn ayat-ayat Quran 2. keterangan dan penjelasan (maksud ayat dll) kupasan, ulasan

Rujukan

- An English-Malay Dictionary: Kamus Inggeris Melayu Dewan*, 2001. Edisi Ringkas. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Had Salleh, 1974. *Pelajaran dan Perguruan Melayu di Malaya Zaman British*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harun Aminurrashid, 1966. *Kajian Sejarah Perkembangan Bahasa Melayu*. Singapura: Pustaka Melayu.
- Charles Duncan, 1993. *Studies in Etymology*. Focus Information Group, Inc.: Newburyport.
- Darwis Harahap, "Perubahan makna dan bentuk" dlm *Jurnal Dewan Bahasa* 39:7 (633-46), 1995.
- Dictionary of Contemporary Tamil (Tamil-Tamil-English)*, 1994. Madras: Cre-A.
- The Columbia Encyclopedia*. 2008. Edisi Keenam.
- Kristen Malmkjar (ed), 2004. "Historical Linguistics" dlm *The Linguistic Encyclopedia*. Edisi Kedua. London: Routledge.
- <http://www.etymonline.com> (diakses pada 1 Sept 2009).
- <http://www.myetymology.com> (diakses pada 1 Sept 2009).
- James T. Collins, 2003. *Mukadimah Ilmu Etimologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan*, 1970. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan*, 2005. Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lyle Campbell and Mauricio J. Mixco, 2007. *Glossary of Historical Linguistics*. Edinburgh: Edinburgh University Press.
- Mahendra Caturvedi, 1970. *A Practical Hindi-English dictionary*. Delhi: National Publishing House <http://dsal.uchicago.edu/cgi-bin/philologic/search3advanced?Dbname=caturvedi&query=spoon&matchtype=exact&display=utf8> (diakses pada 20 Julai 2009).
- Nik Safiah Karim, 1990. "Penulisan Sejarah Melayu yang telah Dilakukan: Suatu Penilaian Umum" dlm *Pensejarahan Bahasa Melayu: Beberapa Pandangan Awal*. Diselenggarakan oleh Zaiton Ab. Rahman dan Zaini Mohamad Zain. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Pedoman Umum Ejaan Bahasa Malaysia*, 1987. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Raja Masittah Raja Ariffin, "R.J.Wilkinson (1867-1941)" dlm *Jurnal Dewan Bahasa* 35:8 (740-746), 1991.
- R.L. Task, 1999. *Key Concepts in Languages and Linguistics*. London & New York: Routledge.
- R.R. Hartmann & Gregory James, 1998. *Dictionary of Lexicography*. London: Routledge.

- Russell Jones, 1990. "Sejarah Bahasa Melayu" dlm *Pensejarahan Bahasa Melayu: Beberapa Pandangan Awal*. Diselenggarakan oleh Zaiton Ab. Rahman dan Zaini Mohamad Zain. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- S. Nathesan, 2008. *Makna dalam Bahasa Melayu*, Edisi Kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- S. Nathesan. "Susur Galur Perkataan" dlm *Dewan Bahasa*, 7:4 (36-39), 2008.
- S. Nathesan. "Kosa Kata Sanskrit dalam Bahasa Melayu" dlm *Dewan Bahasa*, 7:9 (32-35), 2008.
- S. Nathesan. "Kata Pinjaman Tamil dalam Bahasa Melayu" dlm *Dewan Bahasa*, 7:10 (36-39), 2008.
- S. Nathesan. "Susur Galur Perkataan" dlm *Dewan Bahasa*, 7:4 (36-39), 2008.
- S. Nathesan. "Kata Pinjaman Bahasa Cina dalam Bahasa Melayu" dlm *Dewan Bahasa*, 8:1 (22-25), 2009.
- S. Nathesan. "Kosa Kata Belanda dalam Bahasa Melayu" dlm *Dewan Bahasa*, 8:2 (58-61), 2009.
- S. Nathesan. 2009. "Kamus Etimologi" dalam *Dewan Bahasa* 8:8 (32-34).
- S. Nathesan. "Asal Usul Kata Arab dalam Bahasa Melayu" dlm *Dewan Bahasa*. 8:6 (34-37), 2009.
- S. Nathesan. "Etimologi Kata Serapan Inggeris dalam Bahasa Melayu" dlm *Dewan Bahasa*, 9:8, 2009.
- Zaiton Asma Zaiton Hamzah. "Kamus dan Kehidupan" dlm *Dewan Bahasa* 5:6 (46-49), 2005.